

# Soal Pulau Sipadan, Ligitan tidak dibincang

JAKARTA 16 Sept. — Soal mengenai Pulau Sipadan dan Ligitan tidak dibincangkan dalam pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan Presiden Suharto hari ini, walaupun ada pihak menyebut isu tersebut telah dibincangkan, kata Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Sebaliknya, dalam pertemuan itu, Perdana Menteri lebih menumpukan perhatian terhadap soal kerjasama dalam bidang ekonomi dan perdagangan untuk menggalakkan kerjasama antara sektor swasta kedua-dua negara.

"Isu Sipadan dan Ligitan langsung tidak disentuh dalam pertemuan berkenaan, sebaliknya beberapa isu lain telah memenuhi perbincangan hampir satu jam setengah itu," kata Abdullah.

Beliau menyatakan demikian dalam sidang akhbar mengenai hasil perbincangan empat mata antara Dr. Mahathir dan Suharto di sini, lewat petang ini.

Pada sebelah pagi, Menteri Sekretaris Negara Indonesia, Mordiono, dalam sidang akhbar dengan wartawan Indonesia, menyebut isu Pulau Sipadan dan Ligitan telah dibincangkan oleh kedua-dua pemimpin negara dan mencapai persetujuan untuk meneruskan perundingan bagi mengatasi masalah berkenaan.

Menurut Abdullah, pada pertemuan empat mata itu juga Perdana Menteri menyatakan, Malaysia membangkitkan soal kemungkinan membina kilang pemasangan kereta Proton di Indonesia sekira-

nya kereta berkenaan mendapat sambutan apabila masuk ke pasaran Indonesia tidak lama lagi.

Di samping itu, katanya, Dr. Mahathir turut menyatakan minat Malaysia untuk lebih giat di sektor perladangan di Indonesia serta kemungkinan mengimport komponen dari Indonesia untuk van buatan Malaysia, tidak lama lagi.

Dalam pertemuan kedua-dua pemimpin itu juga, kata Abdullah, Suharto mengambil kesempatan membincangkan soal pertemuan tidak rasmi pemimpin kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang akan diadakan November ini.

Sementara itu, beliau berkata, isu Pulau Sipadan dan Ligitan telah dibincangkan hanya pada peringkat menteri yang berlangsung pada masa yang sama.

Dalam pertemuan itu, katanya, Indonesia tidak menutup pintu terhadap cadangan Malaysia membawa masalah berkenaan ke pihak ketiga termasuk Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ)

Bagaimanapun, katanya, buat masa ini, Indonesia menyatakan, mereka melihat kepada kemungkinan menyelesaikan isu berkenaan di peringkat perbincangan dua hala dan hanya bersedia ke pihak ketiga setelah benar-benar menemui jalan buntu.

"Saya maklumkan bahawa apabila Malaysia mencadangkan isu berkenaan dibawa ke ICJ, niat kita jangan dipersoalkan sebab kita benar-benar ingin menyelesaikan isu berkenaan secepat mungkin.

"Ini disebabkan kita tidak mahu semakin lama perkara ini berlarutan, ia boleh menimbulkan kesan lain yang boleh mempengaruhi hubungan dua hala Malaysia dan Indonesia," ujarnya.

Pada pertemuan itu, selain daripada Abdullah, Malaysia turut diwakili Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat serta Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayub.

Pihak Indonesia pula diwakili Menteri Luar, Ali Alatas, Menteri Pertahanan dan Keamanan, Edi Sudrajat dan juga Menteri Penerangan, Harmoko.

Menurut Abdullah, mesyuarat berkenaan juga sepakat untuk sama-sama menasihati media masing-masing untuk tidak melaporkan berita-berita yang boleh menimbulkan keresahan.

Difahamkan, isu ini timbul ekoran laporan media Indonesia yang agak keterlaluan dalam beberapa isu yang melibatkan kepentingan bersama.

Selain itu, katanya, Malaysia juga mahukan supaya kedua-dua negara tidak mengambil sebarang tindakan secara terburu-buru tetapi sebaliknya perlu bijaksana dalam mengambil keputusan.

Pada akhir pertemuan itu, jelasnya, kedua-dua pihak bersetuju dan memberikan jaminan masing-masing untuk menjadikan kepentingan dua hala sebagai keutamaan dan saling peka terhadap kepentingan kedua-dua negara. — Utusan.